



Platform pelaburan patuh
Syariah yang pertama di dunia

AMALAN TERBAIK PELABURAN SYARIAH

Hidup Berhemah
Labur Berhemah
Labur Syariah

ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN	3
2. OBJEKTIF	4
3. SKOP PELAKSANAAN AMALAN TERBAIK PELABURAN SYARIAH	5
4. PANDUAN PELABURAN DAN JUAL BELI	6
5. PELABURAN DAN JUAL BELI LAIN YANG BERKAITAN	8
6. PENGKLASIFIKASIAN SEKURITI PATUH SYARIAH	9
7. SENARAI INSTRUMEN PATUH SYARIAH YANG DITAWARKAN OLEH BURSA SECURITIES	11

1. PENGENALAN

Menyedari kepentingan pelaburan dan jual beli sekuriti patuh Syariah secara menyeluruh kepada para pelabur, sebuah pasaran kondusif telah dibangunkan melalui penubuhan pelaburan Syariah di Bursa Malaysia-*i*.

Dalam membangunkan kerangka pelaburan Syariah di Bursa Malaysia yang menyeluruh bagi pelaburan dan jual beli instrumen pasaran modal patuh Syariah (dirujuk sebagai “sekuriti patuh Syariah”), Bursa Malaysia telah menerbitkan Amalan Terbaik Pelaburan Syariah (dirujuk sebagai “Amalan Terbaik”) yang komprehensif untuk para pelabur memastikan keseluruhan aktiviti pelaburan dan jual beli mereka adalah, tanpa ragu, selaras dengan parameter prinsip Syariah yang kukuh.

Amalan Terbaik ini juga bertujuan menggalakkan para pelabur yang melabur dalam dan berjual beli sekuriti patuh Syariah di Bursa Malaysia untuk menjalankan aktiviti mereka melalui Broker Islam berdaftar yang mengendalikan perniagaan pembrokeran saham selaras dengan prinsip Syariah sama ada secara penuh (*full-fledged*) atau menerusi ‘tingkap Islam’ (*Islamic window*).

2. OBJEKTIF

Amalan Terbaik Pelaburan Syariah ini diterbitkan bagi memenuhi objektif-objektif berikut:

- (i) Memberi panduan kepada para pelabur yang melabur dan berjual beli sekuriti patuh Syariah melalui platform Bursa Malaysia-*i*;
- (ii) Menyarankan amalan-amalan terbaik untuk diterapkan oleh para pelabur sebagai sebahagian daripada proses dan aktiviti pelaburan dan jual beli Sekuriti Patuh Syariah;
- (iii) Sebagai panduan pelengkap kepada Kaedah Saringan Syariah yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah (“MPS”) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”) untuk para pelabur; dan
- (iv) Menyediakan satu pasaran komprehensif untuk komuniti pelaburan Syariah termasuklah para pelabur dan penerbit instrumen pelaburan.

3. SKOP PELAKSANAAN AMALAN TERBAIK PELABURAN SYARIAH


Amalan Terbaik ini terpakai untuk para pelabur yang mempunyai akaun dagangan dengan Broker Islam.

Sila rujuk senarai penuh Broker Islam di www.bursamalaysia.com.

4. PANDUAN PELABURAN DAN JUAL BELI

- 4.1 Pelaburan Syariah di Bursa Malaysia-*i* menyediakan persekitaran yang baharu kepada para pelabur yang menginginkan sekuriti patuh Syariah. Melalui Broker Islam sebagai perantara, sama ada secara langsung atau secara dalam talian, para pelabur dapat menggunakan perkhidmatan Bursa Malaysia dan mengambil manfaat daripada pelaburan Syariah yang menyeluruh dan komprehensif.
- 4.2 Melalui Broker Islam berkenaan, para pelabur dapat melabur dan berjual beli sekuriti patuh Syariah yang tersenarai di Pasaran Utama, Pasaran ACE dan Pasaran LEAP Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”). Perkhidmatan dagangan dan pasca-dagangan yang disediakan oleh Bursa Malaysia-*i* adalah patuh Syariah; penyelesaian dagangan pula disempurnakan melalui institusi-institusi kewangan Islam (seperti yang terdapat dalam Senarai Institusi Perbankan Berlesen oleh Bank Negara Malaysia).

Berikut merupakan ilustrasi landskap baharu untuk para pelabur yang ingin berdagang dan melabur secara patuh Syariah.



- 4.3 Pembeli dan penjual sekuriti patuh Syariah hendaklah menggunakan perkhidmatan Broker Islam untuk menjalankan aktiviti dagangan mereka di Bursa Malaysia.
- 4.4 Aktiviti dagangan di Bursa Malaysia akan dilaksanakan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah.
- 4.5 Setiap dagangan sekuriti akan mengguna pakai mekanisme jual dan beli (*bai'*).
- 4.6 Mekanisme jual dan beli ini dianggap sempurna dan sah apabila urusan niaga dijalankan atas terma harga, jenis dan kuantiti sekuriti yang tertentu. Sebarang ketidakpastian boleh menyebabkan urusan niaga ini terbatal atau boleh dibatalkan, bergantung kepada yang berkenaan.
- 4.7 Pedagang boleh menjual sekuriti yang telah dibeli tersebut sebelum tarikh penyelesaian, selagi mana Klausula 4.6 di atas dipenuhi. Ini berdasarkan prinsip milikan konstruktif (*qabd hukmi*) yang menyatakan hak pemilikan sekuriti dianggap telah berpindah kepada pembeli walaupun milikan fizikal hanya akan berlaku pada masa hadapan. Kontrak jualan yang sah dan boleh dikuatkuasakan (yang dikeluarkan oleh Broker Islam) adalah bukti pemindahan langsung hak pemilikan sekuriti daripada penjual kepada pembeli.

5. PELABURAN DAN JUAL BELI LAIN YANG BERKAITAN

- 5.1 Para pelabur hendaklah berurus niaga dalam sekuriti patuh Syariah sahaja. Senarai sekuriti patuh Syariah boleh didapati di laman sesawang SC.

Kaedah Saringan Syariah yang ditetapkan oleh MPS SC disertakan bersama untuk rujukan seperti di **LAMPIRAN 1**.

- 5.2 Para pelabur dibenarkan untuk menjalankan urus niaga menggunakan pembiayaan margin dengan syarat struktur pembiayaan tersebut adalah patuh Syariah.

- 5.3 Kelayakan pembiayaan margin seseorang pelabur adalah ditentukan oleh Broker Islam.

- 5.4 Broker Islam dibolehkan untuk mensyaratkan cagaran bagi pembiayaan margin yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah.

- 5.5 Pampasan ke atas kerugian sebenar yang diakibatkan oleh perbezaan daripada dagangan normal dan memerlukan aturan alternatif hendaklah diberikan kepada Broker Islam dan/ atau pelabur yang berkenaan. Broker Islam dan/ atau pelabur tersebut tidak boleh mendapat sebarang manfaat mahupun keuntungan daripada pampasan tersebut.

- 5.6 Para pelabur Muslim diwajibkan untuk membayar zakat ke atas keuntungan daripada aktiviti jual beli sekuriti patuh Syariah mereka kepada pusat pengumpulan zakat yang bertauliah atau yang dilantik oleh pemerintah.

Pengiraan bayaran zakat disertakan bersama untuk rujukan seperti di **LAMPIRAN 2**.

6. PENGKLASIFIKASIAN SEKURITI PATUH SYARIAH

Senarai sekuriti patuh Syariah sebagaimana yang dirujuk dalam Klausa 5.1 adalah disemak dan dikemaskini berdasarkan Kaedah Saringan Syariah yang ditetapkan oleh MPS SC dua kali setahun, pada setiap bulan Mei dan November.

6.1 Pengendalian Sekuriti yang Telah Diklasifikasikan Semula

- 6.1.1 Sesebuah sekuriti patuh Syariah boleh diklasifikasikan semula sebagai sekuriti tidak patuh Syariah lanjutan daripada semakan oleh MPS SC disebabkan oleh faktor-faktor seperti perubahan dalam kegiatan perniagaan dan kedudukan kewangan syarikat.
- 6.1.2 Ekoran daripada pengklasifikasian semula tersebut, para pelabur bertanggungjawab untuk memastikan sama ada harga pasaran semasa sekuriti berkenaan melebihi, bersamaan atau kurang daripada kos pelaburan mereka.
- 6.1.3 Sekiranya harga pasaran sekuriti yang telah diklasifikasikan semula pada tarikh penguatkuasaan senarai kemas kini sekuriti patuh Syariah sebagaimana yang dirujuk dalam Klausa 5.1 adalah melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan, pelabur yang mempunyai sekuriti tersebut hendaklah melupuskan pegangan mereka serta-merta.
- 6.1.4 Sebarang dividen yang diterima sehingga tarikh senarai kemas kini berkuat kuasa serta keuntungan modal hasil daripada pelupusan sekuriti yang telah diklasifikasikan semula pada tarikh senarai kemas kini berkuat kuasa boleh disimpan oleh pelabur.
- 6.1.5 Sebarang dividen yang diterima dan/ atau keuntungan modal hasil daripada pelupusan sekuriti yang telah diklasifikasikan semula selepas tarikh senarai kemas kini berkuat kuasa hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/ atau badan-badan kebajikan yang diluluskan.

6.1.6 Para pelabur dibenarkan untuk memegang pelaburan dalam sekuriti yang telah diklasifikasikan semula sekiranya harga pasaran sekuriti tersebut pada tarikh senarai kemas kini berkuat kuasa adalah kurang daripada kos pelaburan. Mereka juga dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima sepanjang tempoh pegangan sehingga jumlah dividen yang diterima dan harga pasaran sekuriti tersebut bersamaan dengan kos pelaburan. Sebaik sahaja nilai pasaran sekuriti yang telah diklasifikasikan semula adalah bersamaan dengan kos pelaburan, para pelabur hendaklah melupuskan sekuriti tersebut.

Ilustrasi pelupusan sekuriti yang telah diklasifikasikan semula yang dirujuk dalam Klausula 6.1.2 hingga Klausula 6.1.6 disertakan bersama untuk rujukan seperti di **LAMPIRAN 3**.

6.1.7 Semasa tempoh pegangan, para pelabur dibenarkan untuk melanggan:

- (i) Sebarang terbitan sekuriti baru oleh syarikat yang mana sekuritinya telah diklasifikasikan semula yang dipegang oleh pelabur, seperti terbitan hak, terbitan bonus, terbitan khas dan waran (tidak termasuk sekuriti yang tidak patuh Syariah seperti stok pinjaman); dan
- (ii) Sekuriti patuh Syariah syarikat lain yang ditawarkan oleh syarikat yang mana telah diklasifikasikan semula yang dipegang oleh para pelabur, dengan syarat mereka menyegerakan pelupusan sekuriti yang telah diklasifikasikan semula tersebut

6.2 Amalan Terbaik Penyucian Pendapatan Tidak Patuh Syariah/ Tercemar

6.2.1 Pendapatan tidak patuh Syariah/ tercemar adalah pendapatan hasil daripada aktiviti perniagaan tidak patuh Syariah.

6.2.2 Selain daripada keadaan-keadaan tertentu berkaitan pendapatan dividen daripada sekuriti tidak patuh Syariah, status tidak patuh Syariah dan penyucian pelaburan hanya akan dikira dan dilakukan selepas pelabur mengetahui akan status pelaburan tersebut yang telah diklasifikasikan semula sebagai tidak patuh Syariah.

6.2.3 Para pelabur bertanggungjawab untuk mengenalpasti pendapatan yang tercemar dan dinasihatkan untuk menyalurkan pendapatan tersebut kepada *Baitulmal* dan/ atau badan-badan kebajikan yang diluluskan.

7. SENARAI INSTRUMEN PATUH SYARIAH YANG DITAWARKAN OLEH BURSA SECURITIES

Para pelabur boleh memilih untuk melabur dalam mana-mana instrumen patuh Syariah yang ditawarkan oleh Bursa Securities yang berikut:

- (i) Sekuriti Patuh Syariah (*i*-Sekuriti)
 - Saham Patuh Syariah (*i*-Saham)
 - Dana Dagangan Bursa Patuh Syariah (*i*-ETF)
 - Amanah Pelaburan Hartanah Patuh Syariah (*i*-REIT)
 - Lain-lain (Waran Syarikat)

- (ii) Sukuk
 - Sukuk Dagangan Bursa

LAMPIRAN 1

KAEDAH SARINGAN SYARIAH

Tahap 1: Tanda Aras Aktiviti Perniagaan

Sumbangan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh Syariah kepada perolehan dan keuntungan sebelum cukai keseluruhan sesebuah Kumpulan syarikat akan dikira dan dibandingkan dengan tanda aras aktiviti perniagaan yang relevan seperti berikut:

(i) **Tanda aras 5%**

Tanda aras 5% ini diguna pakai bagi perniagaan/ aktiviti berikut:

- perbankan dan peminjaman konvensional;
- insuran konvensional;
- perjudian;
- arak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- babi dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- makanan dan minuman tidak halal;
- hiburan tidak patuh Syariah;
- tembakau dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- pendapatan faedah daripada akaun dan instrumen konvensional (termasuk pendapatan faedah yang diterima berikutan daripada keputusan mahkamah atau penimbang tara dan dividen daripada pelaburan tidak patuh Syariah); dan
- aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah.

Bagi perniagaan/ aktiviti yang disenaraikan di atas, sumbangan daripada perniagaan/ aktiviti tidak patuh Syariah kepada perolehan Kumpulan atau keuntungan sebelum cukai Kumpulan sesebuah syarikat mestilah kurang daripada 5% (< 5%).

(ii) Tanda aras 20%

Tanda aras 20% ini diguna pakai bagi perniagaan/ aktiviti berikut:

- jual beli saham;
- pembrokeran saham;
- sewaan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh Syariah; dan
- aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah.

Bagi perniagaan/ aktiviti yang disenaraikan di atas, sumbangan daripada perniagaan/ aktiviti tidak patuh Syariah kepada perolehan Kumpulan atau keuntungan sebelum cukai Kumpulan sesebuah syarikat mestilah kurang daripada 20% (< 20%).

Tahap 2: Tanda Aras Nisbah Kewangan

Bagi tanda aras nisbah kewangan, MPS SC mengambil kira perkara berikut:

(i) Tunai ke atas Jumlah Aset

Tunai yang diambil kira ialah tunai yang ditempatkan dalam akaun dan instrumen konvensional, manakala tunai yang ditempatkan dalam akaun dan instrumen Islam tidak diambil kira dalam pengiraan ini.

(ii) Hutang ke atas Jumlah Aset

Hutang yang diambil kira ialah hutang yang berteraskan faedah, manakala pembiayaan secara Islam ataupun sukuk tidak diambil kira dalam pengiraan ini.

Setiap nisbah di atas, yang bertujuan untuk menilai riba dan elemen berteraskan riba dalam penyata kedudukan kewangan sesebuah syarikat, mestilah kurang daripada 33% (< 33%).

Tahap 3: Saringan Kualitatif

Di samping dua tahap kriteria kuantitatif di atas, MPS SC juga mengambil kira aspek kualitatif yang melibatkan persepsi masyarakat umum atau imej aktiviti syarikat daripada perspektif ajaran Islam.

Rujukan:

<http://www.sc.com.my/revised-screening-methodology/>

<http://www.sc.com.my/data-statistics/list-of-shariah-compliant-securities-by-scs-shariah-advisory-council/>

LAMPIRAN 2

PENGIRAAN BAYARAN ZAKAT

Pengiraan berikut adalah bertujuan untuk memberikan panduan bayaran zakat:

- (i) Sekuriti Patuh Syariah yang dipegang sepanjang satu tahun *hijri*, tertakluk kepada *nisab* (paras nilai pendapatan minima):

Nilai Terendah Sekuriti

(Bilangan Unit Sekuriti x Harga Terendah Tahunan) x 2.5%

- (ii) Sekuriti yang dibeli dan dijual dalam tempoh satu tahun *hijri*, tertakluk kepada *nisab*:

Keuntungan daripada Jualan Sekuriti


(Harga Jual - Kos Pelaburan) x 2.5%

Rujukan:

<http://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-zakat/zakat-saham>

LAMPIRAN 3

PENGENDALIAN SEKURITI YANG TELAH DIKLASIFIKASIKAN SEMULA (ILUSTRASI)



Harga Pasaran > Kos Pelaburan

=> Dilupuskan

- + Keuntungan Modal
- + Dividen

=> Dilupuskan

- + Dividen (sebelum atau pada AD)
- Dividen (selepas AD)
- + Keuntungan Modal (sebelum atau pada AD)
- Keuntungan Modal (selepas AD)

=> Dilupuskan

- + Dividen (sebelum atau pada AD)
- Dividen (selepas AD)
- + Keuntungan Modal (sebelum atau pada AD)
- Keuntungan Modal (selepas AD)

Harga Pasaran < Kos Pelaburan

=> Dipegang

1. Sehingga Kos Pelaburan termasuk Dividen + Harga Pasaran
2. Sebaik sahaja pemulihan Kos Pelaburan dicapai - pegangan dilupuskan
3. Tempoh maksima - tidak berkenaan
4. Dibenarkan untuk melanggan sebarang manfaat yang berkaitan

Nota:

- AD Tarikh senarai kemas kini Sekuriti Patuh Syariah berkuatkuasa
- + boleh disimpan
- wajar disalurkan kepada *Baitulmal* dan/ atau badan-badan kebajikan

HARGA SAHAM TIDAK PATUH SYARIAH

Pada hari kuatkuasa

Harga > Kos pelaburan asal

- Dilupuskan serta merta
- Sebarang keuntungan model daripada pelupusan saham boleh disimpan oleh pelabur

Harga < Kos pelaburan asal

- Dipegang sehingga harga saham bersamaan dengan kos pelaburan asal
- Dividen yang diterima boleh diambil untuk mempercepatkan pelupusan saham

Selepas hari kuatkuasa

Harga > Kos pelaburan asal

- Dilupuskan serta merta
- Keuntungan (perbezaan antara kos pelaburan asal dan harga penutup pada hari kuatkuasa)
 - boleh disimpan
- Keuntungan (perbezaan antara pelupusan saham dan harga penutup pada hari kuatkuasa)
 - disalurkan ke *Baitulmal* dan/ atau badan-badan kebajikan

Harga < Kos pelaburan asal

- Dipegang sehingga harga saham bersamaan dengan kos pelaburan asal
- Dividen yang diterima boleh diambil untuk mempercepatkan pelupusan saham

Nota:

- > lebih daripada
- < kurang daripada

MULAKAN SEKARANG.

- .01 HUBUNGI BROKER Islam Bursa Malaysia-i**
Hubungi mana-mana Broker Islam untuk membuka akaun CDS dan akaun dagangan patuh Syariah.
- .02 DAFTAR DAN AKTIFKAN AKAUN Bursa Malaysia-i**
Broker Islam akan membimbing anda untuk melaksanakan aktiviti pelaburan melalui Bursa Malaysia-i.
- .03 MELABUR MELALUI Bursa Malaysia-i**
Mulakanlah melabur dengan akaun CDS dan akaun dagangan patuh Syariah anda.

(Halaman ini sengaja dikosongkan)

#LaburBMi

PENAFIAN/ PERNYATAAN

Risalah ini disediakan sebagai rujukan umum sahaja. Maklumat yang terkandung dalamnya bukan merupakan sebarang nasihat undang-undang, kewangan, dagangan dan/ atau pelaburan serta ia juga tidak menyarankan atau menyokong produk yang disebutkan di sini. Walaupun pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam risalah ini, Bursa Malaysia tidak membuat sebarang waranti atau representasi berkenaan ketepatan atau kelengkapan maklumat dalam risalah ini. Bursa Malaysia tidak akan menanggung sebarang liabiliti termasuk liabiliti yang timbul akibat keputusan dagangan atau pelaburan yang dibuat berdasarkan maklumat dalam risalah ini. Anda dinasihatkan agar mendapatkan khidmat nasihat bebas dan/ atau merujuk undang-undang dan peraturan-peraturan yang relevan sebelum melaksanakan dagangan atau pelaburan.

BURSA MALAYSIA BERHAD
197601004668 (30632-P)

Exchange Square,
Bukit Kewangan,
50200 Kuala Lumpur,
Malaysia

Tel : +(603) 2034 7000

Fax : +(603) 2710 2308

Email : icm@bursamalaysia.com

www.bursamalaysia.com



@ICM_Bursa